

TEKS TAKLIMAT

YANG BERTHORMAT
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH
DATO PADUKA HARI AWANG OTHMAN
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

DI MAJLIS RAMAH MESRA DAN SESI TAKLIMAT
DENGAN PENUNTUT-PENUNTUT BRUNEI
DI UNITED KINGDOM

BAHAGIAN I - BERTAJUK:
[KITA CINTA BRUNEI - KITA MENDOAKANNYA]

BAHAGIAN II - BERTAJUK:
[KITA CINTA BRUNEI - KITA MENSYUKURINYA]

PADA HARI JUMAAT
17 JUN 2011

DI TINGKAT 1, SURUHANJAYA TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI
BELGRAVE SQUARE, LONDON

BAHAGIAN I – “KITA CINTA BRUNEI – KITA MENDO'AKANNYA”

Signifikan Lagu Kebangsaan

Signifikan Lagu Kebangsaan ialah setiap kali ia dinyanyikan ianya berupa do'a kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dilanjutkan usia untuk memerintah dengan adil sebagai raja yang berdaulat yang menaungi nusa (negara) serta kekal memimpin rakyat dengan bahagia dan supaya Baginda dan negara saling hidup sentosa dan semoga Negara Brunei Darussalam diselamatkan Allah Subhanahu Wata'ala.

Tiga unsur Negara Brunei Darussalam yang didoakan keselamatannya ialah wilayahnya, rakyat dan penduduk serta seganap isinya, sistem sosial dan politiknya yang mengatur kehidupan individu, masyarakat serta kerajaan dan pemerintahnya. Dalam sempadan wilayah yang berdaulat itulah Negara Brunei Darussalam itu wujud dengan sistem sosial dan politik yang mencorakkan kehidupan rakyat dan penduduknya serta pemerintahannya.

Sebenarnya sistem sosial dan politik negara yang wujud sekian lama itu dirumuskan menjadi Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat, demokratik bersendikan ajaran Ugama Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan berasaskan keadilan, amanah dan kebebasan.

Pemashyuran Kemerdekaan

Pemashyuran kemerdekaan pada 1 Januari 1984 mengandungi tiga perkara yang merupakan peta jalan atau road map ke arah menjayakan kemerdekaan Negara Brunei Darussalam:

- Mengekalkan Brunei untuk selamanya menjadi negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik dengan bersendikan ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- Menerusi negara yang sedemikian itu dan dengan petunjuk serta keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala jua akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan rakyat;
- Memelihara perhubungan persahabatan di kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan wilayah bagi semua negara yang bebas dari campur tangan asing.

Doa Rasmi Peliharakan Sultan Dan Negara

Kandungan Doa Rasmi Allah Peliharakan Sultan Dan Negara Brunei Darussalam ialah:

- Semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat Baginda dalam `inayah dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala
- Semoga Baginda kekal memerintah dalam keadaan bahagia, sihat sejahtera dan aman sentosa

- Semoga Baginda dilanjutkan usia, sentiasa berusaha bagi kebajikan sekalian kakitangan dan pegawai Kerajaan, rakyat dan negara, disampaikan hajat murni ke arah jalan yang lurus
- Semoga Negara Brunei Darussalam sentiasa makmur, maju jaya, selamat, adil pemerintahannya, berkebakikan, berkeberkatan, mewah dan aman, meliputi rakyat jelata (demikian juga negara-negara lainnya)
- Semoga Baginda dijauhkan daripada bala bencana, wabak dan segala penyakit
- Semoga Baginda dan rakyat Baginda sentiasa saling mendukung, terlepas daripada curiga mencurigai terhadap satu sama lain

Allah Subhanahu Wata'ala menyuruh kita berdo'a kepadaNya (Surah Ghafir, ayat 60) yang tafsirnya, "Dan Tuhan kamu berfirman: 'Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepadaKu, akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina .'"

Untuk mengetahui sama ada do'a kita dimakbulkan Allah Subhanahu Wata'ala, kita periksa dahulu diri kita sepertimana maksud firman Allah Subhanahu Wata'ala, "Jikalau sekiranya penduduk negeri-negeri beriman dan bertakwa, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkah dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (ayat-ayat Kami) itu, maka Kami siksa mereka disebabkan perbuatannya" (Surah Al-A'raaf , Ayat 96).

Pada realitinya, kita dapati Negara Brunei Darussalam itu sekarang ini:

- aman makmur

- rakyat menikmati rezeki dan hasil mahsul negeri
- berpemerintahan yang adil, berkeadilan
- Raja dan Rakyat sama mentaati Allah Subhanahu Wata'ala, tidak zalim, tidak derhaka, tidak mengingkari agama Allah Subhanahu Wata'ala

Itulah yang kita pohonkan dalam Do'a Rasmi dan lirik Lagu Kebangsaan. Dengan itu, itulah tanda-tanda do'a kita dimakbulkan. Alhamdulillah.

BAHAGIAN II – “KITA CINTA BRUNEI – KITA MENSYUKURINYA”

Titah Semasa Di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Antara Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ialah:

- “ We are a new nation, but an ancient country: one of Asia's oldest ” – “Kami merupakan sebuah negara baharu, tetapi juga sebuah negara purba: salah sebuah negara yang tertua di Asia”
- “Visitors to Brunei many centuries ago found an established social system with a rich and flourishing culture ” – “Para pelawat ke Brunei beberapa kurun yang silam menemui satu sistem sosial yang kukuh dengan kebudayaan yang kaya dan makmur.”
- “Five hundred years ago, under the leadership of my ancestor Sultan Bolkiah, the fifth Islamic Sultan, Brunei played an important role in the spread of the Islamic Faith in South east Asia. ” – “Lima ratus tahun yang lalu, di bawah kepimpinan nenek moyang beta Sultan Bolkiah,

sultan Islam yang kelima, Brunei telah memainkan peranan penting dalam perkembangan Islam di Asia Tenggara.”

Brunei Dalam Sejarah Dan Negara Kebajikan

Negara Brunei Darussalam telah lama wujud dengan ciri-ciri kenegaraan yang jelas, khasnya sejak pemerintahan beraja Islam yang pertama iaitu Sultan Muhammad (1363M-1402M). Sejak itu dan beberapa abad seterusnya, ciri-ciri kenegaraan Brunei adalah:

- sistem pemerintahan beraja (Raja memegang kuasa tertinggi memerintah – supreme authority)
- berdasarkan sistem adatnya
- berpembesar dengan susunan hiraknya dalam pemerintahan
- Berperaturan dengan Undang-Undang Kanun

Ciri-ciri kenegaraan Brunei itu kekal sehingga masa kini. Ciri-ciri itu kekal sehingga pada era setelah tahun 1905-1906 secara pentadbiran Residen British British Resident yang berkembang menjadi pentadbiran Menteri Besar (1959) dan seterusnya setelah Negara Brunei Darussalam memasyhurkan kemerdekaannya dengan mengambil alih tanggungjawab antarabangsa (1984) dengan pentadbiran berkementerian.

Sejak tahun 1959 itu Negara Brunei Darussalam mengalami banyak perubahan dengan rakyatnya mulai menikmati dasar negara kebajikan welfare state.

Hebatnya Brunei Mengharungi Sejarah

Adalah perlu untuk diketahui umum bahawa terdapat episod – episod penting sehingga 1984 seperti berikut

- 1578 - Sepanyol yang berjaya menakluki wilayah Islam Selatan Filipina telah menyerang Brunei kerana Brunei enggan menerima agama Kristian (Katholik).
- Kurun ke-17 - Sepanjang kurun ini Brunei mengalami perang saudara.
- 1839 - Kemunculan James Brooke di Borneo yang kemudian mendatangkan impak yang besar kepada Brunei dengan Limbang dirampasnya dan akhirnya dicantumkan menjadi sebahagian wilayah Sarawak pada 1890.
- 1846 - Brunei menandatangani First Brunei- UK Treaty (cession of Labuan) dan seterusnya diikuti dengan Brunei-UK Treaty of Friendship and Commerce pada 1847.
- 1885 - Pembesar-Pembesar Negara diminta bersumpah untuk tidak lagi menyerahkan kepada orang-orang asing tanah (wilayah) Brunei yang mereka miliki. Itulah 'Sumpah Umanat'.
- 1888 - Brunei menandatangani perjanjian bersama (Britain-Brunei Protectorate Treaty). Pada tahun itu secara rasminya Brunei, Sarawak dan North Borneo (Sabah) menjadi wilayah naungan British. Hampir setengah abad kemudian (1946), Sarawak dan North Borneo menjadi tanah jajahan British. Brunei tidak demikian. Tetap sebagai wilayah naungan.

- 1905-1906 - Perjanjian Tambahan Brunei-Britain. Brunei menerima pentadbiran Residen British (British Residency Rule) dan mempunyai Majlis Mesyuarat Negeri (State Council).
- 1929 - Padang Minyak Seria ditemui dan tiga tahun kemudian 1932 mengeluarkan minyak mentah dan diekspot. Hasil minyak itu kemudiannya 1936 membolehkan Brunei berdikari membayar semua hutang luar negerinya.
- 1941-1945 - Brunei diduduki oleh Jepun dan di bawah pentadbiran militrinya.
- 1949 - Brunei menubuhkan Majlis Ugama Islam (Islamic Religious Council).
- 1956 - Partai Rakyat Brunei (PRB) ditubuhkan dan enam tahun kemudian (1962) telah diharamkan berikutan pemberontakan bersenjata oleh TNKU dan perisytiharan penubuhan Negara Kesatuan Kalimantan Utara (NKKU) yang mencantumkan Brunei, Sarawak dan North Borneo.
- 1959 - (29 September) Brunei mengisytiharkan Perlembagaan bertulisnya yang mengakhiri era pentadbiran Residen British.
- 1962 - (Ogos) Brunei mengadakan pilihan raya untuk pertama kalinya. Pada bulan Disember pemberontak bersenjata yang dipimpin PRB telah ditumpaskan. Perlembagaan digantungkan. Undang-Undang Darurat diisytiharkan.
- 1963 - (September) Malaysia ditubuhkan dan mencantumkan Malaya, Singapura, Sarawak dan Sabah menjadi negara kesatuan. Brunei tidak menyertainya. Dua tahun (1965) Singapura dikeluarkan dari Malaysia menjadikannya Republik Singapura yang sepenuhnya berdaulat.
- 1967 - Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien (Sultan Omar 'Ali Saifuddien III) turun takhta. Anakanda baginda, Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah naik takhta dan dipuspakan pada 1 Ogos 1968.

- 1979 - (7 Januari) Brunei – Britain menandatangani pindaan Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama yang membuka jalan ke arah menjadi negara berdaulat lagi merdeka sepenuhnya.
- 1984 - (1 Januari) Brunei memasyhurkan kemerdekaannya dengan mengambil alih tanggungjawab antarabangsa, mengakhiri sistem pentadbiran Menteri Besar digantikan dengan sistem berkementerian.

Dari urutan sejarah itu, dapatlah dilihat bahawa Negara Brunei Darussalam telah diselamatkan sekurang-kurangnya dalam tiga episod sejarahnya itu seperti berikut:

- Selamat dari penaklukan Sepanyol pada 1578.
- Selamat dari menjadi tanah jajahan Inggeris pada 1946.
- Selamat dari kehilangan kuasa memerintah sendiri dan menentukan sistem sosio- politiknya sendiri (iaitu MIB) disebabkan tidak menyertai Persekutuan Malaysia pada 1963.

Alhamdulillah dan Syukur hanya kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Selamat Adalah Untuk Disyukuri

Setakat tiga episod itu sudah lebih dari patut dan wajib untuk kita mensyukuri Allah Subhanahu Wata'ala dan untuk kita tidak lupa daratan seperti halnya orang-orang yang melupakan pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala setelah mereka diselamatkan daripada bahaya tenggelam di lautan yang bergelora seperti maksud Ayat 22 hingga 23 dari Surah Yunus.

Adakah kita mensyukuri Allah Subhanahu Wata'ala? Ini adalah suatu soalan yang harus ditanya kepada diri sendiri sebagai rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Cara yang betul mensyukuri Allah Subhanahu Wata'ala adalah bagi kita:

- ✓ Mentaati Allah Subhanahu Wata'ala
- ✓ Mengenang dengan insaf akan segala nikmat dan kurniaNya
- ✓ Mempergunakan kurnia dan nikmatNya sebaik-baiknya untuk mendapatkan nilai tambah

Adalah betul dan terbukti menurut fakta yang ada bahawa Brunei telah mensyukuri Allah Subhanahu Wata'ala dengan cara yang betul seperti berikut:

- ✓ Brunei mensyukuri Allah Subhanahu Wata'ala setelah diselamatkan daripada ditakluki oleh Sepanyol pada 1578 yang bertujuan untuk mengkristiankan dengan terus:
- ✓ kekal dalam Islam dan menjadikan ajaranNya anutan raja dan rakyat serta penduduknya sehingga mendaulatkannya menjadi agama rasmi.
- ✓ meneguh dan mengekalkan kedaulatan raja dengan bernegara Melayu Islam Beraja
- ✓ Brunei mensyukuri Allah Subhanahu Wata'ala setelah diselamatkan daripada menjadi tanah jajahan Inggeris dengan bijak berusaha - khususnya oleh Sultan Omar 'Ali Saifuddien III – mengembalikan kuasa Sultan menepati makna memegang tampuk negara dan kerajaan.
- ✓ Brunei mensyukuri Allah Subhanahu Wata'ala setelah diselamatkan daripada kehilangan kuasa memerintah sendiri disebabkan tidak menjadi sebahagian negeri dalam Malaysia pada 1963 dengan memilih

jalan sendiri menjadi negara merdeka yang kekal sebagai Negara Melayu Islam Beraja.

Apa lagi nikmat dan kurnia Allah Subhanahu Wata'ala untuk disyukuri dan telahpun disyukuri? Apakah nikmat dan kurnia itu sehingga Negara Brunei Darussalam makmur kerananya? Minyak! Ia adalah rezeki Allah Subhanahu Wata'ala kepada Brunei dan juga ia kekal berada dalam wilayahnya. Adapun sebabnya ialah pada tahun 1897-1898, ada ura-ura pihak British menukarkan Belait dan Tutong dengan Limbang yang dirampas oleh James Brooke supaya kononnya wilayah Brunei tidak akan terpisah kepada dua bahagian yakni "in order for Brunei to keep its territories in one piece".

Oleh kerana itu kita haruslah bersyukur. Tetapi bagaimanakah cara bersyukur? Erti kata syukur dalam menerima rezeki Allah Subhanahu Wata'ala berupa minyak ialah dengan cara:

- ✓ mengeluarkan dari bumi, mengeksportnya mengusahakan gas cecair asli, mengolah bahan mentah minyak menjadi bahan gunaan lain.
- ✓ mempergunakan hasil pendapatan daripada minyak-gas untuk membangunkan Brunei khasnya semenjak pemerintahan Sultan Omar 'Ali Saifuddien III.

Ini menepati maksud Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Ayat 7, Surah Ibrahim yang maksudnya: Dan (ingatlah) tatakala Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku

akan tambahi nikmatKu kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabKu amatlah keras”.

Bukti Berkat Syukur: Bukti berkat syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala bagi Negara Brunei Darussalam ialah Brunei jadi makmur; Brunei jadi negara kebajikan dengan terus membangun menggunakan pendapatan negara hasil dari minyak dan gas dengan sebijak-bijaknya; dan dalam tempoh 50 tahun pemerintahan Sultan Omar 'Ali Saifuddien III dan anakanda Baginda, Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, hasil dan pendapatan negara bertambah dan telaga-telaga minyak dan gas baharu telah ditemui.

Dasar British: Ini adalah berbeza dengan dasar British dalam mana di antara 1932 hingga 1952, pentadbiran Inggeris memperuntukkan belanjawan negara state expenditure iaitu 10 % untuk kesihatan, pelajaran dan pertanian. Manakala 30 % untuk jalan raya, elektrik dan perhubungan. Padahal dalam tempoh 20 tahun dari 1932 hingga 1952 itu, hasil negeri (state income) meningkat berlipat ganda dari BND 1.5 juta (dari hasil minyak sahaja BND 1.1 juta iaitu 73%) dalam tahun 1932 kepada BND 276 juta (dari hasil minyak sahaja BND 270 juta iaitu 98%) dalam tahun 1952 iaitu peningkatan luar biasa 18,000%. Akibat dari dasar British tersebut, Brunei telah ketinggalan oleh Sarawak dan British Borneo (North Borneo) khasnya dalam bidang pelajaran. Sekolah Inggeris pertama hanya ditubuhkan pada 1951. Justeru, Negara Brunei Darussalam terus bersyukur sehingga masa kini.

Dasar Negara Brunei Darussalam: Berbanding dengan cara British tadi membelanjakan hasil negara, sebaliknya peruntukan Rancangan Kemajuan Negara bagi tahun kewangan 2011/2012 mempunyai arah perbelanjaan antara lain seperti berikut:-

• Perkhidmatan Sosial	BND 327.4 juta	31.2%
• Perindustrian dan Perdagangan	BND 236.6 juta	22.5%
• Kemudahan Awam	BND 154.8 juta	14.7%
• Pengangkutan dan Perhubungan	BND 115.5 juta	11.0%

Peranan Kita Seterusnya

Peranan kita seterusnya adalah untuk mengekalkan keselamatan dan kemakmuran Negara Brunei Darussalam dengan berusaha memaju dan memartabatkannya dalam kita mencapai kemajuan diri sendiri dan keluarga demi cinta kita kepada BRUNEI.